

Bidang kemahiran janji potensi besar

LABIS 8 Nov. - Golongan ibu bapa di negara ini diminta mengubah persepsi mereka terhadap bidang kemahiran yang sebenarnya mempunyai potensi besar dan mampu memberi pendapatan lumayan.

Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Chua Tee Yong berkata, di negara maju seperti Australia, seorang tukang paip yang memiliki sijil kemahiran mampu memperoleh upah mengikut jam



CHUA TEE YONG

bekerja hampir sama dengan seorang akauntan yang memiliki ijazah.

“Ini jelas menunjukkan tumpuan terhadap usaha membangunkan pendidikan vokasional adalah penting sekiranya negara ingin terus membangun dan berkembang kerana membangunkan modal insan yang memiliki kemahiran sama pentingnya dengan bidang pengajian tinggi peringkat ijazah.

“Dalam Bajet 2016, menerusi

Rancangan Malaysia Kesebelas (RMK-11) memperlihatkan kesungguhan kerajaan meningkatkan bilangan golongan lepasan vokasional dan bagi pendidikan di peringkat universiti pula kerajaan menanggung subsidi menerusi Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) sebanyak RM1.5 bilion pada tahun 2016,” katanya selepas merasmikan Program Penyerahan Anak Angkat Mahasiswa Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) di Felda Chempak, di sini semalam.